

Pokok warisan hilang

Khazanah berusia 87 tahun bernilai RM46,850 itu dipercayai ditebang

SINIL HARIAN 31 MEI 2017

ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Kehilangan sebatang pokok bernilai RM46,850 di Jalan Teluk Sisek, di sini menimbulkan tanda tanya apabila pokok itu dipercayai ditebang malam kelmarin.

Pokok pahit atau nama saintifiknya 'Azadirachta Indica' berusia 87 tahun itu didaftarkan sebagai pokok warisan oleh Jabatan Landskap Negara.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya kesal dengan kehilangan pokok tersebut kerana ia adalah warisan negeri.

Menurutnya, ia adalah khazanah dan kehilangan pokok itu satu kerugian kerana



● Pokok Pahit itu berharga RM46,850 ketika 2010 dan nilainya kini lebih tinggi

tidak mudah ditemui.

"Kita telah membuat laporan polis hari ini (semalam) mengenai kejadian ini dan setakat ini masih tiada saksi ataupun mana-mana pihak tampil memberikan keterangan.

"Kita berharap sesiapa yang mengetahui dan terliat kejadian itu tampil untuk memberikan maklumat," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

HEBAHKAN

AKTIVITI KOMUNITI ANDA

zaila@sinarharian.com.my



Pokok pahit yang didaftarkan sebagai pokok warisan di Jalan Teluk Sisek hilang, dipercayai ditebang kelmarin.